

Platform literasi kewangan

Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad (PNB) komited melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia bijak mengurus kewangan dan meningkatkan kesedaran pelaburan menerusi penganjuran acara tahunan, Minggu Saham Digital (MSD) 2021 bermula 17 hingga 23 November depan.

Untuk rekod, MSD adalah adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang dianjurkan secara fizikal selama dua dekad sejak 2000 hingga 2019.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, penganjuran MSD 2021 bertemakan #LaburBersama diteruskan lagi buat kali kedua secara maya selepas kejayaan meraih lebih dua juta tontonan menerusi platform sama tahun lalu akibat penularan Covid-19.

Katanya, pihaknya yakin



AHMAD Zulqarnain ketika prapelancon MSD 2021, semalam.

dapat menarik jumlah penyertaan lebih ramai rakyat Malaysia tahun ini dengan menampilkan kandungan berkualiti tinggi serta pelbagai pengisian program menarik atas talian bagi melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia celik kewangan dan pelaburan serta bijak merancang kewangan.

“Fokus PNB mencipta nilai dan menghasilkan pulangan lestari jangka panjang untuk pemegang unit.

“Usaha ini seiring komitmen kami meningkatkan standard literasi kewangan dan memperkasakan rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan yang lebih baik demi masa depan mereka.

“Selaras objektif Minggu Saham Amanah Malaysia, MSD kekal sebagai platform literasi kewangan bersepadu PNB untuk mencapai matlamat ini,” katanya sempena prapelancon MSD 2021 secara maya semalam.